

# PENDIDIKAN MORAL

TAHUN 1

SEKOLAH KEBANGSAAN

PENDIDIKAN MORAL TAHUN 1 SK

RM6.00  
ISBN 978-983-49-1145-4  
  
9 789834 911454  
BT111020



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA





# **RUKUN NEGARA**

**Bahawasanya Negara Kita Malaysia**

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan  
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara  
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap  
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan  
sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,  
berikrar akan menumpukan  
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut  
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

# PENDIDIKAN MORAL

TAHUN

1

SEKOLAH  
KEBANGSAAN

**Penulis**

Wang Lock Hui  
Junaidah binti Hassan  
Sing Bee Khim

**Editor**

Md Shukuri bin Hamzah

**Pereka Bentuk**

Khairul Azam bin Zain


**Ilustrator**

Norazlinawati binti Hashim



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2016





KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



No. Siri Buku: 0127

KK 370-221-0102011-49-1145-20101  
ISBN 978-983-49-1145-4

Cetakan Pertama 2016  
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2016

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)  
No. Faksimile: 03-21479643  
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:  
Pustaka Yamien Sdn. Bhd.  
Muka Taip Teks: Azim  
Saiz Taip Teks: 18 poin

Dicetak oleh:  
Percetakan Tabah Sdn. Bhd.,  
No. 15, Jalan Nilam 1/8,  
Taman Perindustrian Teknologi  
Tinggi Subang, Batu 3,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

## PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembedulan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- SK Hulu Kelang, Hulu Kelang, Selangor.
- SK St. Francis, Sitiawan, Perak.
- SJK (C) Foon Yew 4, Johor Bahru, Johor.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.





# KANDUNGAN



Pendahuluan

v

UNIT  
1

Tajuk : PEGANGAN HIDUP SAYA

Nilai : KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

1 - 5

UNIT  
2

Tajuk : BAIK HATI AMALAN SAYA

Nilai : BAIK HATI

6 - 10

UNIT  
3

Tajuk : TANGGUNGJAWAB SURESH

Nilai : BERTANGGUNGJAWAB

11 - 15

UNIT  
4

Tajuk : TERIMA KASIH, KAWAN-KAWAN

Nilai : BERTERIMA KASIH

16 - 20

UNIT  
5

Tajuk : BUDI BAHASA AMALAN SAYA

Nilai : HEMAH TINGGI

21 - 25

UNIT  
6

Tajuk : HORMATI DIRI DISANJUNG  
TINGGI

Nilai : HORMAT


26 - 30

UNIT  
7

Tajuk : SAYANGI DIRI SENDIRI

Nilai : KASIH SAYANG

31 - 35





UNIT  
8

Tajuk : ADIL MEMBAWA SEJAHTERA  
Nilai : KEADILAN

36 - 40

UNIT  
9

Tajuk : BERANI MENGHADAPI CABARAN  
Nilai : KEBERANIAN

41 - 45

UNIT  
10

Tajuk : KOK HENG YANG JUJUR  
Nilai : KEJUJURAN

46 - 50

UNIT  
11

Tajuk : BLOG KERAJINAN  
Nilai : KERAJINAN

51 - 56

UNIT  
12

Tajuk : KERJASAMA MEMBAWA BERKAT  
Nilai : KERJASAMA

57 - 62

UNIT  
13

Tajuk : PESANAN NENEK  
Nilai : KESEDERHANAAN

63 - 68

UNIT  
14

Tajuk : BERTOLAK ANSUR AMALAN SAYA  
Nilai : TOLERANSI

69 - 74



# PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 telah disemak semula bagi memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Sejalan dengan perubahan ini, buku teks *Pendidikan Moral Tahun 1* Sekolah Kebangsaan (SK) ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR Pendidikan Moral Tahun 1.

Buku teks *Pendidikan Moral Tahun 1* SK ini masih berfokus pada tema "Diri Saya". Sebanyak 14 nilai, iaitu kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab, berterima kasih, hemah tinggi, hormat, kasih sayang, keadilan, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan dan toleransi dimuatkan dalam buku ini. Kandungan buku ini diolah dan disampaikan dalam pelbagai cara untuk menarik minat murid agar mereka memahami, menghayati dan mengamalkan nilai tersebut dalam kehidupan seharian.

Kandungan buku teks ini memberikan penekanan kepada kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid bagi menghadapi cabaran pada abad ke-21. Antaranya, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang diterapkan kepada murid melalui proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi merangsang pemikiran murid. Selain itu, elemen kreativiti dan inovasi, elemen keusahawanan, elemen teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), kemahiran berfikir, kemahiran penyelesaian konflik, pembelajaran berasaskan projek juga diaplikasikan melalui aktiviti yang telah dirancang. Elemen perpaduan turut diterjemahkan melalui idea-idea yang disampaikan agar dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan murid.

Setiap unit dalam kandungan buku teks ini berfokus pada satu nilai seperti yang terkandung dalam DSKP. Pelbagai teknik PdP yang menarik seperti nyanyian, lakonan, dialog, bercerita, pantun, boria, teka silang kata, kod rahsia, peta pemikiran dan aktiviti *hands-on* digunakan bagi memantapkan pemahaman murid tentang nilai yang dipelajari. Bagi memastikan semua murid dapat mengikuti perkembangan pembelajaran secara berperingkat, bahagian-bahagian dalam setiap unit disusun mengikut komponen seperti yang berikut:





### **Konsep**

Komponen ini menerangkan konsep nilai dalam DSKP yang menjadi fokus sesuatu unit. Komponen ini bertujuan untuk membantu murid memahami nilai secara berkesan melalui aktiviti yang dirancang.



### **Pengukuhan**

Komponen ini bertujuan untuk memberikan peneguhan terhadap pemahaman murid tentang nilai yang dipelajari melalui pelbagai aktiviti yang dirancang. Tiga domain moral, iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral menjadi tunjang utama dalam komponen ini.



### **Pemulihan**

Komponen ini membantu murid meningkatkan pemahaman mereka dalam menguasai dan mengaplikasikan nilai yang telah dipelajari melalui aktiviti yang lebih mudah dan berkesan.



### **Pengayaan**

Komponen ini menyediakan aktiviti yang lebih mencabar pemikiran murid agar potensi murid dapat dikembangkan ke tahap yang lebih optimum untuk membantu mereka berperasaan dan bertindak mengikut nilai moral.



### **Penilaian**

Komponen ini menyediakan pelbagai aktiviti penilaian bagi mengukur tahap penguasaan murid dalam sesuatu nilai.



### **Standard Pembelajaran**

Komponen ini memberikan panduan kepada guru untuk membimbing murid mencapai Standard Pembelajaran yang ditetapkan dalam DSKP.



### **Nota Guru**

Komponen ini bertujuan untuk menerangkan cadangan PdP dan idea tambahan bagi membantu guru melaksanakan aktiviti yang dirancang.



### **KBAT**

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.

Penulis berharap buku teks ini akan memberikan manfaat kepada murid dalam usaha memupuk kerohanian dan moraliti murid melalui perkembangan moral dari segi penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Semoga kandungan dalam buku teks ini dapat meningkatkan pemahaman, penghayatan dan amalan nilai dalam kalangan murid untuk dijadikan sebagai panduan hidup mereka dalam membuat keputusan dan tindakan berteraskan moral. Akhir kata, diharap penerbitan buku teks ini dapat memenuhi matlamat DSKP KSSR Pendidikan Moral untuk melahirkan dan membentuk insan yang menyeluruh dan bersepadu berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

**Wang Lock Hui**

**Junaidah binti Hassan**

**Sing Bee Khim**







# PEGANGAN HIDUP SAYA

Lihat gambar. Ceritakan.



Masjid



Islam

Gereja



Kristian

Kuil



Hindu

Wat



Buddha

Kami ada agama.  
Kami hidup bahagia.



Apakah agama atau kepercayaan kamu?



## Nota Guru

1.1  
1.2  
1.5


- Bimbing murid mengenali pelbagai agama atau kepercayaan lain di Malaysia.
- Bimbing murid menceritakan agama dan kepercayaan masing-masing.
- Bimbing murid menyatakan kepentingan mempunyai agama atau kepercayaan.





# Indahnya Alam

Lihat gambar di bawah.



Sebutkan ciptaan Tuhan.



Apakah perasaan kamu?

- Bimbing murid menyatakan ciptaan Tuhan yang lain.
- Bimbing murid melahirkan rasa syukur terhadap ciptaan Tuhan berdasarkan gambar.



1.3  
1.4

Nota  
Guru




# Kenali Alam dan Agama Kita


A. Warnakan gambar ciptaan Tuhan.




B. Gunting dan tampalkan.




Kristian




Sikh



Islam



Hindu



- Bimbing murid supaya menjaga keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.
- Perbanyak halaman ini.





# Hargai Ciptaan Tuhan

Lihat di sekeliling kamu. Catat dan lukis.

Bil.	Ciptaan Tuhan	Gambar
1.	Pokok bunga	
2.		
3.		
4.		
5.		

Saya \_\_\_\_\_ melihat ciptaan Tuhan.






Nota Guru

- Perbanyak halaman ini.
- Bimbing murid untuk menjalankan aktiviti ini di luar bilik darjah.
- Galakkan murid mengenal pasti ciptaan Tuhan yang lain.



A. Lengkapi perkataan dan suaikan dengan gambar.



B. Pilih jawapan yang betul.

masjid

gurdwara

gereja

1 Unang beragama Kristian. Dia bersembahyang di \_\_\_\_\_.


2 Ranjit Singh beragama Sikh. Dia bersembahyang di \_\_\_\_\_.

3 Husin beragama Islam. Dia bersolat di \_\_\_\_\_.





# BAIK HATI AMALAN SAYA

Contohi sikap Ranjit Singh.



Saya bantu orang lain.  
Saya berasa gembira.



-  Senaraikan sikap baik hati Ranjit Singh.
-  Ceritakan cara kamu membantu orang lain.



- Bimbing murid melakonkan situasi di atas.
- Bimbing murid melaksanakan sumbang saran cara membantu orang lain dalam pelbagai situasi.






## Tanya Sama Kakak


Mari kita bernyanyi.



Tanya sama kakak,  
Apa sebab duka,  
Nanti jawab kakak,  
Kakinya luka.  
Mari wahai kakak,  
Adik balut luka,  
Kakak senyum riang,  
Adik ceria.  
Kakak nanti kata,  
Adik baik hati,  
Selalu tolong orang,  
Hidup diberkati.



-  Nyatakan sikap baik hati adik kepada kakak.
-  Mengapakah kita perlu bantu orang lain? 



Nota Guru


- Bimbing murid menyanyikan lagu di atas mengikut melodi lagu *Tanya Sama Pokok*.
- Bersoal jawab dengan murid tentang cara dan kepentingan membantu orang lain.





# Bantu dengan Ikhlas

Fahami gambar.



Tuliskan cara kamu membantu orang lain.

(Situasi 1)

(Situasi 2)




Apakah perasaan kamu membantu orang lain?

- Bimbing murid memahami gambar.
- Galakkan murid memberikan pendapat tentang sifat baik hati pada diri mereka.



2.2  
2.4

Nota  
Guru






# Tolong-menolong Amalan Mulia

Fahami situasi di bawah.

Apakah yang patut saya buat?



Sakitnya!



2



Tolong!  
Tolong!


Saya dahaga.




3



4

Saya kalah.  
Sedihnya.



-  Apakah sikap baik hati gajah?
-  Mengapakah kita perlu tolong orang lain? 

2.2  
2.3  
2.5

Nota Guru

- Sediakan topeng muka yang mudah bagi setiap watak.
- Bimbing murid melakonkan cara membantu orang lain berdasarkan watak di atas.



Tandakan (✓) untuk perlakuan yang telah kamu lakukan.

Situasi	Amalan	(✓)
<p>1</p> 	Sidai baju.	
<p>2</p> 	Beri derma.	
<p>3</p> 	Kongsi makanan.	
<p>4</p> 	Sapu sampah.	
<p>5</p> 	Beri hadiah.	

Skor:

- 4 - 5 Tahniyah, kamu baik hati!
- 2 - 3 Tingkatkan amalan baik hati.
- 0 - 1 Perlu ubah sikap.

• Perbanyak halaman ini.



# TANGGUNGJAWAB SURESH

Fahami gambar di bawah.



The floor plan shows Suresh in several rooms:

- Bedroom:** Suresh is making the bed. Label: "Kemas katil."
- Restroom:** Suresh is flushing the toilet. Label: "Pam tandas."
- Kitchen:** Suresh is washing dishes in the sink. Label: "Cuci pinggan."
- Study Room:** Suresh is sitting at a desk writing in a notebook. Label: "Buat kerja sekolah."
- Living Room:** Suresh is putting toys into a red storage bin. Label: "Kemas mainan."
- Bedroom:** Suresh is organizing shoes on a shoe rack. Label: "Susun kasut."

A speech bubble from Suresh says: "Saya bangga buat semua ini."



- Senaraikan tugas Suresh di rumah.
- Mengapakah patut kamu lakukan tugas itu?

**Nota Guru**

3.1  
3.2  
3.4

- Bimbing murid menenaraikan tanggungjawab terhadap diri sendiri.
- Bimbing murid membincangkan tanggungjawab diri secara berkumpulan.







# Robot yang Bertanggungjawab

Lihat dan fahami gambar di bawah.

i-Kiro pulang dari sekolah. Selepas itu ...



Bagus i-Kiro, kamu bertanggungjawab.



Mengapakah i-Kiro tolak ajakan kawan?



Sebutkan cara kamu bertanggungjawab.

- Bimbing murid melakonkan situasi di atas.
- Minta murid menceritakan perasaan mereka setelah melaksanakan tanggungjawab diri.
- Minta murid meramalkan kesudahan cerita sekiranya i-Kiro menerima ajakan kawannya.



# Patut Saya Lakukan Sendiri

Apakah yang patut kamu lakukan?

## Kad situasi

1



Ibu hendak cuci kasut saya.

2



Abang hendak warnakan lukisan saya.

3



Ayah hendak butangkan baju saya.

## Tindakan



Cuci kasut sendiri.

?

?



Pilih sekeping kad situasi dan lakonkan.



Nyatakan perasaan kamu.

3.3  
3.4

Nota  
Guru

- Sediakan kad situasi untuk menjalankan aktiviti di atas. Bimbing murid memilih kad situasi secara berpasangan.
- Bincangkan situasi di atas dan nyatakan tindakan yang patut diambil.



## Pokok Tanggungjawab Diri

Hasilkan pokok tanggungjawab diri.

### Alatan dan Bahan



Warna air, berus, bekas pembancuh warna dan gambar rangka pokok.

1



Warna dan capkan ibu jari.

2



Tulis tanggungjawab.

3



Tulis perasaan kamu.



Apakah yang akan berlaku jika kamu tidak bertanggungjawab?



- Bimbing murid menggunakan kreativiti dan bahan media lain untuk menghasilkan pokok tanggungjawab diri.
- Galakkan murid menyenaraikan seberapa banyak tugas yang boleh dilakukan oleh mereka sendiri.
- Pamerkan hasil kerja murid di Sudut Pendidikan Moral.



Padankan gambar dengan tindakan yang bertanggungjawab.

Apabila saya ...

Saya patut ...

1



lap lantai.

minta ibu lap lantai.

2



biarkan alat tulis.

kemaskan alat tulis.

3



sepahkan baju.

masukkan baju ke dalam bakul.

4



lipat pakaian.

minta kakak lipat pakaian.

5




susun buku.

minta ayah susun buku.

# TERIMA KASIH, KAWAN-KAWAN

Sebutkan.



 Apakah perasaan kamu apabila memberikan hadiah kepada kawan?

- Bimbing murid mengucapkan terima kasih secara berpasangan dalam pelbagai bahasa dengan sebutan yang betul.





# Catatan Diari Jia Yuan

Baca dan fahami.

20 Ogos

1

Ayah beri wang saku kepada saya.



Saya peluk ayah.

2

Cikgu mengajar saya.



Saya beri hadiah.

3

Kakak bantu saya belajar.



Saya beri kad ucapan.



Terangkan cara Jia Yuan memberikan penghargaan.

Mengapakah kamu perlu memberikan penghargaan kepada orang lain?



Nota Guru

- Bimbing murid mencadangkan cara lain memberikan penghargaan kepada orang yang telah membantunya.




# Bingkai Terima Kasih

Bantu Bee Lan membuat bingkai terima kasih.

## Alatan dan Bahan

Kad manila saiz besar, kad manila saiz kecil, pensel warna, gam, pita pelekat dan benang kait.



1 Tuliskan ucapan.



2 Lukiskan corak pada kad.



3 Tampal kad pada kad manila besar.



4 Tampalkan benang kait di belakang kad.



5 Bingkai yang telah siap.



Apakah perasaan kamu apabila memberikan bingkai terima kasih kepada kawan?

- Bantu murid semasa membuat bingkai terima kasih.
- Pamerkan hasil kerja murid di Sudut Pendidikan Moral.



# Hargai Jasa

Fahami situasi dan lengkapkan peta minda di bawah.

Situasi 1

Selamat Hari Bapa.



Situasi 2

Terima kasih mak cik kerana menjaga saya.



Situasi 3

Terima kasih kerana menemani saya ke perpustakaan desa.



## Cara Memberikan Penghargaan

1

2

3

## Kebaikan Memberikan Penghargaan

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_



Nota Guru

- Bantu murid melengkapkan latihan di atas.
- Perbanyak halaman ini.





A. Cari perkataan yang tersembunyi.

DISAYANGI


DIPUJI

DISENANGI

DISUKAI



B. Lengkapi.



Cara memberikan penghargaan

Perasaan

• Perbanyak halaman ini.



# BUDI BAHASA AMALAN SAYA

Baca dan fahami dialog di bawah.



Situasi 1



Situasi 2




Situasi 3



Situasi 4



- Sebutkan tutur kata sopan dalam situasi di atas.
- Nyatakan kesan setelah kamu bersikap sopan.



- Galakkan murid menyebut tutur kata dan mengamalkan tingkah laku yang sopan.





## Beradab Sopanlah Selalu

Fahami gambar di bawah.



- Kenal pasti tingkah laku sopan.
- Apakah perasaan kamu apabila bersopan?

- Bimbing murid membezakan tingkah laku yang sopan dan sebaliknya.
- Rangsang murid mengamalkan tingkah laku yang sopan.



## Hemah Tinggi Amalan Mulia

Fahami gambar dan tampalkan jawapan yang betul.





Selamat sejahtera.

Jemput makan.

Silakan masuk.

Terimalah hadiah saya.



-  Lakonkan cara bersopan seperti gambar di atas.
-  Apakah perasaan kamu setelah bersopan?



# Indahnya Bersopan

Lakonkan dan lengkapkan peta minda.




 Ramalkan kesan jika kamu tidak bersopan dalam majlis di atas.
 



- Bimbing murid melakonkan pelbagai situasi dalam gambar di atas.
- Bimbing murid melengkapkan peta minda.
- Perbanyak halaman ini.





Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Tahniah, Sandra!

Menjemput rakan duduk.

Mengapakah hadiah ini kecil?

Mengejek rakan.

Terima kasih, Kalang.

Meminta izin untuk lalu.



# HORMATI DIRI DISANJUNG TINGGI

Fahami pantun dua kerat di bawah.



Dayung sampan ke Pulau Angsa,  
Pakai sopan setiap masa.




Petik ceri di tepi perigi,  
Hormati diri disanjung tinggi.



Siang hari mencari mutiara,  
Maruah diri patut dipelihara.

Bunga matahari menyinari pagi,  
Hormati diri disanjung tinggi.



 Sebutkan sikap hormati diri yang terdapat dalam pantun di atas.

 Terangkan faedah menghormati diri sendiri.

- Bimbing murid berpantun.
- Bimbing murid memahami maksud pantun di atas.
- Minta murid memberikan contoh lain cara menghormati diri sendiri dalam kehidupan seharian.



# Hormati Diri Hidup Bahagia

Fahami dan lengkapkan.



Mei Hua disukai rakannya.

Mi Kai dijauhi rakannya.



- Lakonkan situasi di atas.
- Nyatakan faedah menghormati diri yang lain.



# Saya Menghormati Diri Sendiri

Labelkan gambar berdasarkan situasi.

1

Menghormati diri sendiri



2

Tidak menghormati diri sendiri



Banding bezakan situasi di atas.

- Bimbing murid membincangkan situasi di atas.



# Hormati Diri Hidup Dihargai

Fikir dan jawab.

## Situasi 1

Semasa pulang ke rumah, rakan mengajak kamu pergi ke taman permainan.



## Situasi 2

Kamu hendak keluar bermain dengan kawan.



## Situasi 3

Kamu mengantuk semasa guru sedang mengajar.



Apakah tindakan kamu?



Nyatakan perasaan kamu apabila menghormati diri sendiri.

- Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan dan pelbagaikan situasi menghormati diri untuk dijawab oleh murid.



Nota Guru



Lengkapkan ayat berdasarkan petunjuk.

Petunjuk:

a	b	d	e	g	h	i	j	k
l	m	n	o	p	r	s	t	u


1. Saya berpakaian ketika ke pasar raya.
2. diri daripada orang yang tidak dikenali.
3. Saya sentiasa patuhi sekolah.
4. Jaga diri ialah tanggungjawab saya.
5. Saya sentiasa pada setiap masa.
6. Orang yang menghormati diri sendiri akan tinggi oleh orang lain.
7. Saya berasa kerana dapat menghormati diri sendiri.

● Perbanyak halaman ini.



# SAYANGI DIRI SENDIRI

Baca dan fahami situasi di bawah.



Lihat ke kanan, ke kiri dan ke kanan sebelum melintas.



Pakai topi keledar.







Mandi menggunakan sabun.




Saya gembira kerana menyayangi diri.



Pakai baju bersih.

-  Senaraikan cara menjaga kebersihan dan keselamatan diri.
-  Apakah akibat jika kita tidak menjaga kebersihan dan keselamatan diri? 
-  Nyatakan perasaan kamu apabila dapat menjaga kebersihan dan keselamatan diri.



- Galakkan murid menyatakan cara lain menjaga kebersihan dan keselamatan diri.





# Kempen Kebersihan dan Keselamatan Diri



Fahami gambar di bawah.

## KEMPEN MENJAGA KEBERSIHAN DIRI



## KEMPEN MENJAGA KESELAMATAN DIRI



-  Mengapakah kamu perlu menjaga kebersihan dan keselamatan diri?
-  Pilih satu cara di atas dan lakonkan.


- Bimbing murid menjelaskan kepentingan menjaga kebersihan dan keselamatan diri dalam kehidupan seharian.
- Bantu murid bercerita berdasarkan pengalaman mereka.





# Pohon Kasih Sayang

Gunting dan tampal.



## Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti pernyataan kebersihan diri, keselamatan diri dan perasaan.
- Jaga keselamatan murid semasa membuat aktiviti ini.
- Perbanyak halaman ini.





# Utamakan Kebersihan dan Keselamatan Diri

Teliti dan lengkapkan.

Situasi

Cara

Keperentingan



Memakai topi keledar



Elakkan kecederaan



---

---

---



---

---

---



---

---

---



---

---




---

- Bimbing murid berbincang untuk melengkapkan jadual di atas.
- Bantu murid menyatakan cara dan kepentingan menjaga kebersihan serta keselamatan diri yang lain.
- Perbanyak halaman ini.



Baca dan warnakan jawapan yang sesuai.



<b>Selalu:</b>		Kamu sentiasa jaga kebersihan dan keselamatan diri.
<b>Kadang-kadang:</b>		Kamu patut tingkatkan amalan menjaga kebersihan dan keselamatan diri.
<b>Tidak pernah:</b>		Kamu patut berubah sikap.

# ADIL MEMBAWA SEJAHTERA

Fahami situasi di bawah.






Buah rambutan masak ranum.  
Su Sing membahagikannya kepada Hakimi, Mohan dan Martin.

Kawan-kawan,  
rambutan tadi telah  
saya bahagikan  
dengan sama rata.

Terima kasih, Su Sing.  
Kamu telah bersikap  
adil. Saya berpuas hati.



-  Adakah Su Sing bersikap adil? Berikan sebabnya.   
 Apakah kesannya jika kamu tidak bersikap adil?

- Bimbing murid memahami teks dan gambar di atas.
- Galakkan murid menyatakan contoh perlakuan adil dalam kehidupan seharian.




## Bertindak Adil

Lakonkan situasi di bawah.

Roland, bahagikan  
10 batang pensel ini  
antara kamu, Helen  
dan Julie.

Baik,  
cikgu



Adakah Roland bersikap adil? Mengapa?



Apakah kesan jika kamu bersikap tidak adil?



Nyatakan perasaan kamu setelah mengamalkan sikap adil.



Nota  
Guru

• Bimbing murid melakonkan situasi di atas berdasarkan sikap adil.





## Benda Tersembunyi

Cari benda tersembunyi dan warnakan.



Bantu Sang Penyu mencari barang untuk rakannya secara sama rata.

Arnab	Kucing	Burung
1. Lobak merah	1. Ikan	1. Jagung
2. Kangkung	2. Susu	2. Betik




Apakah perasaan kamu setelah berlaku adil?

- Bimbing murid mencari benda yang tersembunyi.
- Perbanyak halaman ini.



## Adil Menceriakan Kehidupan

Baca dan fahami.



Ini keluarga Ganesan. Abang Ganesan bernama Sinraj. Kakaknya bernama Vijaya. Setiap hari, ayahnya memberi wang saku kepada mereka seperti yang berikut:

### Wang saku



RM3.00



RM3.00



RM3.00



Adakah Ganesan berpuas hati? Mengapa?  
Mengapakah kamu perlu bersikap adil?




Nota  
Guru

- Bimbing murid memahami petikan dan pengiraan di atas.
- Galakkan murid agar menyimpan baki wang saku mereka.






Tuliskan perkataan "adil" atau "tidak adil" bagi pernyataan berikut.




Petrus memberikan seekor ikan kepada setiap kucingnya.




Cikgu Chin membahagikan tugas yang sama rata kepada kami.




Alice hanya berkawan dengan rakan yang cantik.



Siva selalu meminta wang saku berbanding dengan abangnya.



Saya dan Lina berkongsi kek.



Hakim pertandingan bercerita itu tidak berat sebelah.



● Perbanyak halaman ini.



# BERANI MENGHADAPI CABARAN

Baca dan fahami situasi di bawah.



Kamu patut minta izin sebelum meminjam buku saya.

Maafkan saya.

Ha...ha...ha..., Si Tempang!

Janganlah kamu mengejek saya. Nama saya Lokman, bukan Si Tempang.




Mari kita berenang di sungai ini.

Saya tidak mahu. Bahaya!

Betulkah kamu yang menyorokkan kotak pensel Rani?

Ya, maafkan saya.

**Saya budak berani**

 Nyatakan contoh perlakuan berani dalam situasi di atas.  
 Terangkan kepentingan bersikap berani untuk mempertahankan maruah diri. 

- Bimbing murid memahami situasi.
- Galakkan murid menceritakan pengalaman berani mempertahankan maruah diri dalam pelbagai situasi.



# Anugerah Wira Kanak-kanak

Teliti dan fahami gambar di bawah.

**ANUGERAH**  
**WIRA KANAK-KANAK**  
Anjuran  
RUKUN TETANGGA PANGSAPURI INDAH

PERTANDINGAN  
BERCERITA



Nama saya Luta.  
Saya berasa  
gembira kerana  
dianugerahi Wira  
Kanak-kanak.



- Senaraikan perlakuan berani yang ada pada Luta.
- Nyatakan kepentingan bersikap berani.
- Apakah perasaan kamu apabila bersikap berani?

- Bimbing murid memahami gambar.
- Minta murid berkongsi pengalaman berani mempertahankan maruah diri mereka.
- Jalankan undian untuk memilih tokoh murid berani yang boleh dijadikan sebagai teladan kepada murid-murid yang lain.



# Kincir Angin Berani

Mari hasilkan Kincir Angin Berani.

## Perlakuan berani:

- Mengakui kesalahan.
- Bercakap benar.


## Keperluan bersikap berani:

- Dihormati.
- Disayangi.

## Alatan dan Bahan




Kertas berbentuk segi empat sama, gunting, pemadam, pensel warna, lidi, dan paku tekan.



1

Potong empat penjuru kertas. Tuliskan perlakuan dan kepentingan bersikap berani.



2

Tarik empat penjuru ke tengah. Cucuk dengan paku tekan pada pemadam.



3

Kincir angin berani yang telah siap.



Nyatakan perasaan kamu apabila bersikap berani.



Nota Guru


- Bimbing murid menyenaraikan perlakuan berani dan kepentingan bersikap berani.
- Jaga keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti ini.





# Badak yang Berani

Fahami cerita di bawah.



Ramalkan kesudahan cerita.

Adakah perbuatan badak itu berani? Mengapa?

Lakonkan situasi di atas dengan tindakan berani yang betul.

- Bimbing murid meramalkan kesudahan cerita sama ada dalam bentuk lisan atau bergambar.
- Bimbing murid melakonkan situasi di atas.
- Bimbing murid menceritakan pengalaman bertindak berani secara melulu tanpa berfikir. Nasihatkan murid supaya berfikir sebelum bertindak.



A. Pilih tindakan yang betul dan tuliskan perasaan kamu berdasarkan tindakan yang dipilih.

	Tindakan	Perasaan	
1		Tidak mengaku meniru.	
		Meminta maaf daripada guru dan berjanji tidak akan melakukannya lagi.	
2		Meminta rakan memulangkan bola.	
		Menangis kerana rakan sangat garang.	

B. Tuliskan "betul" atau "salah" pada pernyataan yang menunjukkan sikap berani.

- 1 Saya akan melaporkan perkara itu kepada guru apabila dibuli.
- 2 Saya menegur perbuatan rakan yang suka mengejek.
- 3 Saya akan memarahi rakan yang suka mengganggu saya.
- 4 Saya melaporkan kes ponteng kepada guru kelas.
- 5 Saya menyertai pertandingan nyanyian walaupun tidak pernah mengikuti kelas vokal.

# KOK HENG YANG JUJUR

Fahami cerita di bawah.



**Situasi 1**

Kok Heng, tolong belikan sebotol kicap. Ambil duit RM5.00 di atas meja.



Maafkan saya, ibu. Saya ambil duit baki.

**Situasi 2**

Terima kasih kerana memulangkan dompet saya.

**Situasi 3**

Mak cik tersalah beri baki, saya pulangkan semula.

 Nyatakan sikap jujur dalam situasi di atas.  
 Ceritakan sikap jujur yang kamu lakukan.

● Bimbing murid bercerita berdasarkan contoh perlakuan jujur yang lain dalam kehidupan seharian.



# Saya Amalkan Kejujuran

Teliti gambar di bawah.

## Situasi 1

Maafkan saya, ibu. Skrin komputer tablet telah retak.



## Situasi 2

Bolehkah saya pinjam kereta mainan ini?

Maafkan saya. Ini bukan kepunyaan saya.



## Situasi 3

Tidak mengapa. Saya ikhlas membantu.



Nyatakan sikap jujur dalam situasi di atas.



Mengapakah kamu perlu bersikap jujur?



# Mahkota Kejujuran

Mari kita hasilkan Mahkota Kejujuran.

## Alatan dan Bahan

Kad manila, gunting, pensel warna, dan pita pelekat.



1

Gunting kad manila mengikut ukur lilit kepala.



2

Lukis bentuk mahkota di atas kad manila dan gunting.



3

Lukis corak dan warnakan.



4

Tuliskan sikap jujur yang pernah kamu lakukan pada Mahkota Kejujuran.



5

Mahkota Kejujuran yang telah siap.



Nyatakan perasaan kamu apabila bersikap jujur.





# Saya Jujur dan Ikhlas

A. Baca cerita dan lengkapkan dialog.

Chen Ming mengajak Rajan pergi memancing ikan. Rajan menolak pelawaan itu.




Rajan menolong seorang budak yang terjatuh daripada basikalnya.



Rajan meminta maaf kepada ibunya.



B. Lengkapkan peta buih.



- Bantu murid melengkapkan dialog dan memberikan contoh perlakuan jujur yang lain dalam kehidupan seharian.
- Bantu murid melengkapkan peta buih dengan ciri-ciri kejujuran.
- Perbanyak halaman ini.



A. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

- 1 Saya tidak mengaku salah setelah merosakkan mainan adik.
- 2 Saya menjaga beg kawan dengan baik semasa dia ke tandas.
- 3 Saya menggunakan pensel warna kawan tanpa meminta izin.
- 4 Saya tidak mengharapkan balasan apabila memberikan bantuan.
- 5 Saya mempunyai ramai kawan kerana bersikap jujur dalam kehidupan harian.
- 6 Saya berasa tenang apabila mengakui kesalahan.

B. Isi tempat kosong.




1 Kawan-kawan memuji Sarah kerana dia selalu bercakap \_\_\_\_\_.

2 Ibu mempercayai Dolly kerana sikapnya yang \_\_\_\_\_.

3 Kelvin \_\_\_\_\_ membantu kawan-kawan yang menghadapi masalah.

• Perbanyak halaman ini.



# BLOG KERAJINAN

Mari layari blog di bawah.



The screenshot shows a web browser window with the URL <https://kerajinan562.wordpress.com>. The main header features a large image of a barn and the word 'KERAJINAN' in a dark box with icons of a watering can and hands. Below the header is a search bar with a green 'CARI' button. A recent post titled 'SELAMAT DATANG KE BLOG KERAJINAN' is displayed, featuring a photo of purple eggplants and the text: 'Hai, saya Jackie! Pada masa lapang, saya membantu ayah menanam pokok terung. Setiap hari saya menyiram pokok terung tersebut. Pokok terung saya hidup subur. Saya berasa gembira. Saya menjual hasil terung tersebut kepada jiran.'



Senaraikan ciri sikap rajin Jackie.



Apakah perasaan kamu setelah bersikap rajin?



Nota Guru

- Bimbing murid memahami blog dan membincangkan kebaikan bersikap rajin.
- Galakkan murid bercerita tentang teks dalam blog tersebut.





## Labah-labah yang Rajin

Fahami cerita di bawah.



Labah-labah sangat tekun. Meskipun sarangnya sering rosak, namun labah-labah berusaha membinanya semula. Sikap rajin dan tidak putus asa membuatkan labah-labah sentiasa ada tempat tinggal. Oleh itu, hidupnya aman dan bahagia.



Nyatakan kebaikan sikap rajin labah-labah.



Andaikan kamu seekor labah-labah, ceritakan amalan sikap rajin kamu.


- Berikan penekanan tentang sikap kerajinan yang ditunjukkan oleh labah-labah untuk membina sarang yang sempurna.



# Menanam Pokok Bawang

Lakukan aktiviti di bawah.

## Alatan dan Bahan



Bekas telur.



Bawang merah.

1



Letakkan bawang merah ke dalam lubang bekas telur.

## 2 CONTOH JADUAL TUGASAN MENYIRAM POKOK BAWANG

Hari	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat
Ahli					
Minggu 1					
Minggu 2	Ramesh	Nicol	Mei Lin	Sarjit	Norena
Minggu 3					
Minggu 4					

Sediakan jadual tugas untuk menyiram pokok-pokok bawang ini.

3



Daun bawang sudah boleh dituai.



Nyatakan faedah jika kamu rajin menjalankan tugas menyiram pokok bawang.



Apakah perasaan kamu apabila melihat hasil tanaman itu?



Nota Guru

- Bimbing dan pantau murid agar mematuhi jadual tugas menyiram.
- Setiap kumpulan perlu memaparkan jadual tugas.
- Jadual berdasarkan hari persekolahan mengikut negeri.



## Bekas Pelbagai Guna



Bersempena dengan kempen kitar semula, kita boleh mengumpul botol, kertas, tin, aluminium dan plastik. Barang tersebut boleh dijual. Hasil jualan dimasukkan ke dalam tabung.

Kaca



Kertas



Plastik, Tin Aluminium



Barang-barang ini juga boleh dijadikan kraf tangan.



Bekas kaca



Burung merak kertas



Bekas plastik

## Mari Kita Membuat Bekas Pelbagai Guna.

### Alatan

Botol minuman, kertas warna, gam, gunting, pen dan pen penanda.




1



Gunting botol minuman.

2



Lukis dan gunting kertas warna.

3



Tulis cogan kata.

4



Lekatkan guntingan kertas warna dan cogan kata.

5



Bekas pelbagai guna ini boleh dijadikan bekas pensel atau pasu bunga.



Apakah ciri-ciri kerajinan sewaktu kamu melakukan aktiviti di atas?



Cadangkan aktiviti lain yang boleh kamu lakukan.



Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti barang kitar semula yang lain.
- Bimbing murid membuat dan menghias bekas pelbagai guna mengikut kreativiti masing-masing
- Jaga keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti ini.
- Pamerkan hasil kerja murid dan berikan penuguhan.



Sesuaikan dan tulis semula.

Rosita gigih menjual barang kitar semula.

Pokok sayur-sayurannya hidup subur.

Julia tekun membaca buku.

Dia dapat menambah wang tabungannya.

Siva bersemangat bermain bola sepak.

Dia telah mendapat markah tinggi.

James bersungguh-sungguh mengulang kaji pelajaran.

Dia telah mendapat Anugerah Tokoh NILAM.

Ajai rajin menyiram pokok sayur-sayurannya.

Dia telah terpilih mewakili pasukan sekolahnya.

1 \_\_\_\_\_

2 \_\_\_\_\_

3 \_\_\_\_\_

4 \_\_\_\_\_

5 \_\_\_\_\_

● Perbanyak halaman ini.





# KERJASAMA MEMBAWA BERKAT

Mari kita bernyanyi.



## Kerjasama




Wahai rakan-rakan,  
Mari gotong-royong,  
Bersih bilik muzik,  
Bersama-sama.

Saya sapu lantai,  
Kamu buang sampah,  
Susun semua kerusi,  
Bersihkan tingkap.

(Korus)

Mari kerjasama,  
Kemas bilik muzik,  
Bilik jadi bersih,  
Semua gembira, hei.

Kita kerjasama,  
Kerja siap cepat,  
Jimat masa kita,  
Dan juga tenaga.

-  Sebutkan aktiviti bekerjasama dalam lirik lagu di atas.
-  Senaraikan kebaikan jika kamu bekerjasama dengan rakan sebaya.
-  Nyatakan perasaan kamu apabila melaksanakan aktiviti bersama-sama.



Nota Guru

- Bimbing murid menyanyikan lagu mengikut irama lagu *Lagu Tiga Kupang*.
- Minta murid bernyanyi sambil melakukan aksi yang bersesuaian dengan lirik lagu.
- Minta murid menceritakan aktiviti lain yang boleh dilakukan bersama-sama dalam kehidupan seharian.






# Semangat Kerjasama Semut Api

A. Fahami cerita di bawah.




1 Semut membawa makanan.




2 Sarang semut dilanda banjir.



3 Semut melarikan diri.




4 Mereka menaiki daun hanyut.




5 Sampai ke tebing sungai.



6 Berbincang.



7 Membina sarang baharu.




8 Meraikan kejayaan.

- Apakah yang akan berlaku jika semut tidak bekerjasama?
- Cadangkan aktiviti kerjasama yang dapat kamu lakukan bersama-sama rakan.



B. Lengkapkan peta bulatan.

### Peta Bulatan



### Nota Guru

- Galakkan murid memberikan cadangan aktiviti bekerjasama.
- Bimbing murid menyenaraikan sikap bekerjasama dalam kehidupan seharian dengan menggunakan peta bulatan.
- Perbanyak halaman ini.



## Kerja Berpasukan Amalan Kita



Permainan membentuk huruf.

**Alatan:** Wisel dan kad abjad.

**Cara Bermain:**

- 1 Bahagikan murid kepada kumpulan.
- 2 Lantik seorang ketua.
- 3 Guru menunjukkan sekeping kad abjad kepada ketua kumpulan.
- 4 Guru meniup wisel. Ketua kumpulan minta ahli kumpulan membentuk abjad.
- 5 Kumpulan yang paling pantas diberi satu mata.
- 6 Ulangi aktiviti di atas. Kumpulan markah tertinggi dikira pemenang.



-  Nyatakan cara kamu bekerjasama untuk membentuk huruf.
-  Ceritakan perasaan kamu selepas menjalankan aktiviti.

- Bimbing murid melakukan aktiviti di atas.
- Tukar kad abjad kepada kad bentuk atau corak yang sesuai mengikut kreativiti.
- Galakkan murid sentiasa bekerjasama demi perpaduan dalam kehidupan seharian.



## Sambutan Hari Kanak-kanak

Lakukan aktiviti di bawah.

Bersempena dengan Hari Kanak-kanak, kamu dan rakan-rakan diminta menghias kelas. Lengkapkan peta pokok.



### Tugas Menghias Kelas

Gantung  
Belon

John

Kavita


Zhi Hang



Terangkan aktiviti bekerjasama yang pernah kamu lakukan bersama-sama rakan pelbagai bangsa.



Senaraikan kebaikan sikap bekerjasama.



12.2  
12.3  
12.5

Nota  
Guru

- Bimbing murid melengkapkan peta pokok di atas.
- Minta wakil kumpulan membentangkan hasil perbincangan mereka.





A. Berdasarkan gambar di bawah, lengkapi tugas yang boleh dilakukan bersama-sama rakan.

**Situasi 1**




Menyiram sayur.

**Situasi 2**



Menggantungkan gelung getah pada penyangkut.


B. Warnakan kebaikan sikap bekerjasama.



• Perbanyak halaman ini.

# PESANAN NENEK

Baca dan fahami.



Pesanan nenek kepada Ivana:

- Tutup pili air selepas digunakan.
- Matikan suis elektrik selepas digunakan.
- Jangan bazirkan makanan.
- Simpan baki wang ke dalam tabung.

Kamu mesti mengamalkan kesederhanaan dalam kehidupan seharian.



- Apakah pesanan nenek Ivana?
- Apakah perasaan kamu setelah mengamalkan sikap sederhana dalam kehidupan seharian?
- Ceritakan pengalaman kamu apabila mengamalkan sikap sederhana dalam kehidupan seharian.



# Saya Bersikap Sederhana

Cari gambar dan lengkapkan jadual.

1



Lancarkan enjin carian Google dan klik pautan "images".

2




Taipkan kata kunci, iaitu perkataan "makan".

3



Klik imej yang kamu inginkan.

4



Klik *Save image as* dan pilih "print". Tampilkan gambar tersebut pada jadual di bawah.

Pemakanan secara sederhana	Pemakanan secara keterlaluan
Kesan: 1. _____ 2. _____	Kesan: 1. _____ 2. _____



Banding beza antara kedua-dua gambar tentang amalan kesederhanaan. Terangkan kepada rakan.

- Bimbing murid mencari gambar pemakanan secara sederhana dan pemakanan secara keterlaluan melalui bahan bercetak atau Internet.
- Bimbing murid memberikan contoh lain sikap tidak keterlaluan dalam kehidupan seharian.
- Guru menyediakan jadual aktiviti.





# Saya Amalkan Kesederhanaan

Teliti dan fahami cara Danny bersikap sederhana.

Situasi

Cara bersikap sederhana



Tali beg putus



Basikal rosak





Buku terkoyak



Saya dapat menjimatkan wang dan meringankan beban ibu bapa.



-  Nyatakan contoh perlakuan sederhana yang ditunjukkan dalam buku skrap di atas.
-  Hasilkan buku skrap tentang perlakuan kesederhanaan yang lain.

13.1  
13.2  
13.5

Nota Guru

- Bimbing murid membuat buku skrap tentang perlakuan kesederhanaan dalam kehidupan seharian.
- Bimbing murid mengenal pasti kepentingan bersikap sederhana.
- Bimbing murid mengamalkan perlakuan sederhana dalam kehidupan harian.



## Mari Berjimat Cermat

Baca dan fahami situasi di bawah.

Sekolah Mu Wen akan menjalankan kempen berjimat cermat. Mu Wen merancang perbelanjaan hariannya dengan menggunakan wang saku sebanyak RM2.00 sehari.



Mu Wen

Hari	Wang masuk	Perbelanjaan				Baki
		makanan	minuman	alat tulis	lain-lain	
Isnin	RM2.00		50 sen			RM1.50
Selasa	RM2.00	RM1.00	50 sen		50 sen	0



Banding beza sikap sederhana Mu Wen pada setiap hari.

Lengkapkan buku catatan kewangan di bawah.

## BUKU CATATAN JIMAT CERMAT SAYA

Nama : \_\_\_\_\_ Kelas : \_\_\_\_\_

HARI	WANG MASUK	PERBELANJAAN			BAKI
		Makanan	Minuman	Lain-lain	
ISNIN					
SELASA					
RABU					
KHAMIS					
JUMAAT					
SABTU					
AHAD					
JUMLAH SIMPANAN					



Nyatakan perasaan kamu apabila bersikap sederhana dalam kehidupan seharian.



Nota Guru


- Jalankan aktiviti kempen berjimat cermat dan bimbing murid cara melengkapkan buku catatan kewangan.
- Berdasarkan buku catatan kewangan, bincangkan bersama-sama murid cara mereka berbelanja.
- Perbanyak halaman ini.





Lengkapkan teka silang kata.

Kami bahagia dan hidup sederhana.



### Menegak

1. Saya tidak boleh mengamalkan sikap \_\_\_\_\_.
2. Saya tidak \_\_\_\_\_ makanan.
3. Saya berasa \_\_\_\_\_ apabila mengamalkan sikap sederhana.
5. Saya \_\_\_\_\_ pili air selepas menggunakannya.
7. Saya mengamalkan sikap sederhana tanpa mengabaikan kepentingan \_\_\_\_\_ dan orang lain.

### Melintang


4. Saya patut mengamalkan sikap \_\_\_\_\_ dalam kehidupan.
6. Saya mengamalkan sikap \_\_\_\_\_ cermat.
8. Saya hendaklah membuat pertimbangan yang \_\_\_\_\_ dalam sesuatu perkara.

• Perbanyak halaman ini.



# BERTOLAK ANSUR AMALAN SAYA

Fahami gambar dan teks di bawah.



Saya, abang dan adik suka bermain kasut roda. Namun, kami mempunyai sepasang kasut roda sahaja. Kami akan bergilir-gilir menggunakan kasut roda.



Jika situasi ini berlaku kepada kamu, nyatakan cara kamu bertoleransi.



Apakah kebaikan bersabar dan bertolak ansur dalam situasi di atas?



**Nota  
Guru**

- Bimbing murid memahami gambar dan teks di atas.
- Galakkan murid mengamalkan sikap bertoleransi untuk memperkukuh perpaduan.



## Boria Toleransi



Mari kita bernyanyi.



Salam sejahtera salam dihulur,  
Kami ucapkan buat semua,  
Boria Toleransi ingin menghibur,  
Agar yang sedih akan ceria.

Kawallah diri juga emosi,  
Bertoleransi tidaklah rugi,  
Tentulah kita akan disenangi,  
Bertolak ansur sifat terpuji.  
Ewah...

Sifat sabar amalkan di jiwa,  
Elakkan marah yang sia-sia,  
Bersatu padu antara kita,  
Pasti bahagia setiap masa.

-  Nyatakan cara bertoleransi dalam lagu boria di atas.
-  Apakah kebaikan jika kamu bersabar dan bertolak ansur dengan orang lain?




- Bimbing murid bernyanyi sambil menghayati seni kata boria di atas.
- Bantu murid memahami kebaikan bersabar dan bertolak ansur apabila menghadapi konflik.



# Perjalanan Toleransi

Lengkapkan perkataan yang membawa maksud toleransi.



Pernahkah kamu melakukan amalan di atas? Mengapa?



Apakah perasaan kamu setelah bertoleransi bersama-sama rakan?

14.1  
14.2  
14.4

Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan melengkapkan perkataan di atas.
- Adakan perbincangan tentang kepentingan bertoleransi sesama rakan pelbagai kaum.



# Dam Toleransi

Mari kita bermain.

**Alatan:** Dadu dan penanda

**Cara permainan:**

1. Tentukan giliran pemain.
2. Pemain pertama melontarkan buah dadu.
3. Pemain pertama menggerakkan penanda mengikut bilangan angka dadu.
4. Bermain mengikut giliran.



1

**MULA**



2

Ketika bermain kamu terus membawa lari anak patung itu.





3

Kamu membenarkan adik bermain komputer tablet dahulu.



4



-  Senaraikan sikap toleransi yang terdapat dalam Dam Toleransi.
-  Ramalkan kesan apabila kamu tidak mengamalkan sikap toleransi.





8

9 Kamu berebut baju jersi dengan abang.

16

17 Saya bersabar semasa beratur membeli makanan.

7 Kamu memperlahankan bunyi radio.

10 Kamu beri rakan bermain buaian dahulu.

15

18

6

11

14 Kamu izinkan rakan bermain dahulu.

19 Kamu enggan bertolak ansur dengan adik.

5 Kamu tidak meminjamkan robot mainan itu kepada adik.

12 Kamu membenarkan rakan membaca buku itu dahulu.

13

20

**TAMAT**

**Petunjuk:**



Tahniah. Kamu seorang yang bertoleransi.



- Bimbing murid memahami peraturan permainan Dam Toleransi.
- Bimbing murid menyenaraikan cara lain bersikap toleransi.



Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 1 Adik kamu menangis kerana ingin bermain buaian.  
Saya akan \_\_\_\_\_ .



- 2 Kakak sedang mengulang kaji pelajaran. Kamu memasang radio dengan kuat.  
Saya akan \_\_\_\_\_ .

- 3 Nenek kamu menggemari nasi lemak manakala kamu suka makan sate.  
Saya akan \_\_\_\_\_ .



- 4 Kamu dan abang berebut tempat duduk hadapan di sebelah ayah.  
Saya akan \_\_\_\_\_ .

• Perbanyak halaman ini.

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

**Skim Pinjaman Buku Teks**

**Sekolah** \_\_\_\_\_

Tahun	Darjah	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: \_\_\_\_\_

Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**